



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

PEMBINAAN LALUAN JALAN RAYA BAGI MENGHUBUNGKAN ICQS BUKIT KAYU HITAM, KEDAH KE CIQ SADAO, THAILAND

BUKIT KAYU HITAM, KEDAH - Hari ini saya turun padang sebagai sebahagian dari program #MADANIBekerja untuk meninjau sendiri perkembangan kemajuan projek pembinaan laluan jalan raya bagi menghubungkan ICQS Bukit Kayu Hitam, Kedah ke CIQ Sadao, Thailand.

2. Projek pembinaan jalan raya ini merupakan milik Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan agensi pelaksana adalah Cawangan Jalan, Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia dengan harga kontrak asal bernilai RM141.57 juta. Tarik milik tapak projek ini adalah pada 21 Jun 2024 dan dijadualkan siap pada September 2025. Setakat 29 April 2025, kemajuan fizikal projek ini telah mencapai 47%.

3. Skop utama projek ini merangkumi:

- (a) pembinaan Jalan Berkembar enam (6) lorong dua (2) hala (K3-3) piawaian JKR U5 sepanjang 900 meter;
- (b) pembinaan Jalan Perkhidmatan piawaian JKR R5 sepanjang 300 meter ke Markas Taktikal PGA Bukit Kayu Hitam;
- (c) kerja perobohan bangunan dan fasiliti lama bagi menggantikan dengan bangunan baharu Kem Batalion Ke-5 Rejimen, Sempadan Bukit Kayu Hitam, Perlis (10 blok bangunan); dan
- (d) pembinaan Bangunan Pos Kawalan Akhir dan Pintu Gerbang Berbumbung.

4. Kerajaan MADANI melalui Kementerian Kerja Raya sentiasa komited untuk merencanakan pembangunan infrastruktur, termasuk pembinaan/ menaik taraf jalan raya di sempadan negara demi meningkatkan lagi aspek keselamatan di samping memperkukuh lagi aktiviti ekonomi.

5. Saya telah mengarahkan pihak pengurus projek, JKR Malaysia, JKR Negeri dan pihak kontraktor berganding bahu dan meneruskan sinergi bagi menyiapkan projek ini mengikut spesifikasi kualiti, kos dan masa yang ditetapkan selaras dengan sasaran ke arah sifar projek sakit.

#TAMAT#

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA
3 MEI 2025

#KKR
#KearahKesejahteraanRakyat

#MYJalan
#KerajaanMADANI
#MADANI Bekerja